

## LAMPIRAN PEMBERITAHUAN PRODUK untuk Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA)

**NOTA PENTING:** Sila baca Lampiran Pemberitahuan Produk ini sebelum anda memutuskan untuk mengambil Polisi Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat amnya.

**1. Apakah perincian produk ini?**

Skim Kemasukan Hospital dan Pembedahan Pekerja Asing (SKHPPA) adalah skim insurans kemasukan hospital dan pembedahan yang diperbaharui setiap tahun bertujuan untuk mengurangkan beban kewangan pihak Majikan ke atas pekerja asing sekiranya pekerja asing tersebut dimasukkan ke hospital disebabkan oleh kemalangan ataupun penyakit.

**2. Siapa yang layak untuk produk ini?**

Golongan yang layak untuk insurans di bawah Polisi ini ialah pekerja asing semasa dan masa hadapan bekerja secara sepenuh masa dengan Pemegang Polisi, berumur dari 18 tahun sehingga 60 tahun, yang masih aktif bekerja pada tarikh mereka layak untuk menyertai Polisi ini.

**3. Apakah jenis perlindungan/manfaat yang diberi?**

Pelan ini menyediakan manfaat berikut secara pembayaran balik dengan keseluruhan manfaat berbayar dikenakan tertakluk kepada had tahunan seperti di bawah:

Perkara	Manfaat	Jumlah (RM)
1(a)	Bilik Hospital & Makan Harian (Maksimum sehingga 30 hari)	Bayaran yang dikenakan – mengikut bayaran yang selaras dengan Bilik dan Makan Kelas Ketiga (ke-3) sehingga maksimum RM160.00 sehari di Hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat mengikut Akta Fi 1951, Perintah Fi (Perubatan) (Pindaan) 2014.
1(b)	Unit Rawatan Rapi (Maksimum sehingga 15 hari)	
2	Bekalan & Khidmat Hospital	
3	Bilik Bedah	
4	Bayaran Pembedahan (Tidak merangkumi Transplan Organ)	
5	Bayaran Pakar Bius	
6	Lawatan Pakar Perubatan Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
7	Lawatan Rundingan Pakar Dalam Hospital (Maksimum sehingga 30 hari)	
8	Bayaran Ambulans / Bayaran Laporan Perubatan	
<b>Had Tahunan Keseluruhan Maksimum (Perkara 1-8)</b>		<b>RM 20,000.00</b>

Bagi setiap ulang tahun Polisi, Polisi ini adalah diperbaharui setiap tahun atas budi bicara Syarikat sehingga 60 tahun.

*Nota: Penerangan di atas adalah maklumat ringkas untuk rujukan yang cepat dan mudah. Syarat dan terma yang tepat yang diguna pakai sepertimana yang dinyatakan di dalam kontrak Polisi.*

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak ini adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Liberty General Insurance Berhad atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**4. Berapakah jumlah premium yang perlu saya bayar?**

Premium tahunan adalah sebanyak RM120.00 setiap pekerja asing (RM105.00 untuk premium insurans dan RM15.00 untuk fi Pihak Ketiga Pentadbir Tuntutan. Premium pembaharuan tidak terjamin dan mungkin tertakluk kepada pelarasan dengan kelulusan pihak berkuasa yang berkaitan dengan mengambil kira nisbah kerugian dan sebarang faktor-faktor lain yang mungkin menjejaskan kemampuan skim.

Nota: Premium tahunan yang dinyatakan adalah sebelum Cukai Perkhidmatan tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia dan tidak termasuk RM10.00 Duti Setem.

**Liberty General Insurance Berhad 197801007153 (44191-P)**  
**Formerly known as AmGeneral Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower, CT9, Pavilion Damansara Heights, 3 Jalan Damanlela, Pusat Bandar Damansara, 50490 Kuala Lumpur.  
P.O. Box 11228, GPO Kuala Lumpur, 50740 Kuala Lumpur.

Tel: +603 2268 3333 Website: [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)  
(Service Tax Registration No.: B16-1808-31015443)

**5. Apakah jenis yuran dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

Yuran dan bayaran yang anda perlu bayar ialah:

Jenis	Jumlah
Cukai perkhidmatan	Tertakluk kepada kadar semasa seperti yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia
Duti setem	RM10.00
Komisen ejen atau jika terdapat pengantara yang terlibat	10% daripada premium insurans

**6. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang harus saya ambil perhatian?**

- MENURUT AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN 2013, Seksyen 129, Jadual 9, Perenggan 5: Adalah menjadi kewajipan pengguna untuk mengambil penajagaan munasabah untuk tidak membuat salah nyataan kepada penanggung insurans berlesen semasa menjawab apa-apa soalan yang diperlukan yang berkaitan dengan keputusan penanggung insurans samada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.
- Wilayah Geografi – Semua manfaat yang dinyatakan di sini adalah terpakai di dalam Malaysia sahaja untuk 24 jam sehari. Perlindungan terhenti sebaik sahaja Orang Yang Diinsuranskan meninggalkan Malaysia dan bersambung semula sekembalinya Orang Yang Diinsuranskan ke Malaysia.
- Had Manfaat – Semua manfaat yang disediakan di dalam Polisi ini adalah hanya berbayar jika Orang Yang Diinsuranskan dimasukkan ke hospital Kerajaan Malaysia Bukan Korporat.
- Tempoh Ihsan – Ini adalah Polisi Tunai Sebelum Perlindungan. Meskipun terdapat syarat Tunai sebelum Perlindungan, Tempoh Ihsan selama 14 hari dari tarikh perlu dibayar dibenarkan untuk pembayaran sebarang premium setelah Tahun Polisi Pertama. Dalam tempoh selama 14 hari tersebut, Syarikat akan bertanggungjawab jika pada akhir tempoh berkenaan, premium telah dibayar. Sekiranya sebarang premium berkaitan dengan Polisi Kontrak ini tidak berbayar sebelum tarikh tamat tempoh ihsan, Polisi Kontrak ini dianggap sebagai terbatal pada tarikh luput Polisi ini.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah Polisi ini.*

**7. Apakah pengecualian-pengecualian utama di bawah polisi ini?**

Polisi ini tidak melindungi apa-apa penghospitalan, pembedahan atau bayaran yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung, sepenuhnya atau sebahagiannya, oleh mana-mana satu kejadian yang berikut:

- i. Penyakit sedia ada. Walau bagaimanapun, pengecualian tersebut adalah digugurkan sekiranya Orang Yang Diinsuranskan telah lulus pemeriksaan perubatan dan disahkan oleh Fomema Sdn. Bhd. (FOMEMA) dalam masa 30 hari ketibaan ke Malaysia.
- ii. Penyakit tertentu yang berlaku dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari pertama bagi perlindungan berterusan.
- iii. Pembedahan plastik/kosmetik, khatan, pemeriksaan mata, cermin mata dan pembetulan penglihatan dekat melalui pembiasaan atau pembedahan (Keratotomy Radial) dan penggunaan atau pemerolehan perkakas atau alat prostetik seperti anggota tiruan, alat pendengaran, perentak yang diimplankan dan preskripsinya.
- iv. Penyakit pergigian termasuk rawatan pergigian atau pembedahan oral kecuali apabila diperlukan kerana Kecederaan Akibat Kemalangan pada gigi asli yang sihat yang berlaku sepenuhnya dalam Tempoh Insurans.
- v. Penjagaan peribadi, rehat pulih atau jagaan kebersihan, dadah yang tidak dibenarkan, intoksikasi, pensterilan, penyakit venereal dan sekuelanya, AIDS (Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit) atau ARC (Kompleks Berkaitan AIDS) dan penyakit berkaitan HIV (Sindrom Kurang Daya Tahan Manusia), dan apa-apa penyakit berjangkit yang memerlukan kuarantin oleh undang-undang.
- vi. Apa-apa rawatan atau operasi pembedahan untuk keabnormalan atau kecacatan kongenital termasuk penyakit keturunan.
- vii. Kehamilan, melahirkan anak (termasuk kelahiran secara pembedahan), keguguran, menggugurkan kandungan dan jagaan serta pembedahan pranatal atau postnatum, kaedah kawalan kelahiran kontraseptif mekanikal atau kimia atau rawatan berkaitan ketidaksuaburan, disfungsi erektil dan ujian atau rawatan berkaitan impotensi atau pensterilan.

*Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah Polisi ini.*

**8. Bolehkah saya membatalkan polisi saya dan bagaimana saya boleh berbuat demikian?**

Anda boleh membatalkan Polisi ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis secara bertulis kepada Syarikat. Setelah pembatalan, anda layak menerima bayaran balik premium seperti jadual di bawah dengan syarat anda tidak pernah membuat sebarang tuntutan di bawah Polisi ini.

<b>Tempoh Tidak Melebihi</b>	<b>Bayaran Balik Premium Tahunan</b>
15 hari	90% (terpakai kepada pembaharuan sahaja)
1 bulan	80%
2 bulan	70%
3 bulan	60%
4 bulan	50%
5 bulan	40%
6 bulan	30%
7 bulan	25%
8 bulan	20%
9 bulan	15%
10 bulan	10%
11 bulan	5%
Tempoh melebihi 11 bulan	Tiada bayaran balik

**9. Apa yang perlu saya lakukan sekiranya ada perubahan maklumat kepada butiran perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat apa-apa perubahan dalam maklumat hubungan bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai tepat pada waktunya.

**10. Di manakah boleh saya mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan berkenaan insurans perubatan dan kesihatan ini, sila rujuk kepada buku panduan *insuranceinfo* mengenai 'Medical & Health Insurance', yang boleh didapati di semua cawangan kami atau anda juga boleh mendapatkan salinan buku tersebut daripada ejen insurans yang berkenaan atau layari [www.insuranceinfo.com.my](http://www.insuranceinfo.com.my)

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

**Liberty General Insurance Berhad**

Liberty Insurance Tower  
CT9, Pavilion Damansara Heights  
3, Jalan Damanlela  
Pusat Bandar Damansara  
50490 Kuala Lumpur.

Talian Bebas : 1 800 88 3833  
Emel : [customer@kurnia.com](mailto:customer@kurnia.com)  
Laman Web : [www.kurnia.com](http://www.kurnia.com)

**11. Lain-lain jenis Perlindungan Insurans Serupa yang ada**

Sekiranya anda berminat untuk mengetahui samada terdapat jenis-jenis perlindungan insurans seumpama ini, anda boleh menghubungi kami atau rujuk kepada ejen insurans kami.

**NOTA PENTING:**

**ANDA HARUS BERPUAS HATI YANG POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA SEBAIK MUNGKIN. ANDA SEPATUTNYA MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Liberty General Insurance Berhad dilesenkan dibawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dibekalkan dalam lampiran pemberitahuan ini diterbitkan pada 01/03/2024 dan adalah sah sehingga semakan berkala yang berikutnya.